

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel. 604 - 928 4000

Jabatan Pendaftar

'KEDAH GEMILANG'

UUM/PEN/P-7/6 Jld.II

10 Oktober 2007

Semua
Dekan Fakulti
Pangarah Institut/Pusat/Unit
Ketua-Ketua Jabatan
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Tuan/Puan

PEKELILING PENDAFTAR BIL.1/2007 - KEMUDAHAN PENGURANGAN KADAR YURAN PENGAJIAN DAN INSENTIF BAYARAN BALIK YURAN

Dengan hormatnya bersama-sama ini dikemukakan Pekeliling Pendaftar Bil.1/2007 - Kemudahan Pengurangan Kadar Yuran Pengajian dan Insentif Bayaran Balik Yuran untuk perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan.

Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk menghebahkan maklumat ini kepada semua kakitangan di Fakulti/Jabatan YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan.

Sekian, harap maklum.

'ILMU BUDI BAKTI'

Saya yang menurut perintah

(HANIZATON HASSAN)

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (Pengajian Lanjutan)
b.p. Pendaftar



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2007

KEMUDAHAN PENGURANGAN KADAR YURAN PENGAJIAN DAN INSENTIF BAYARAN BALIK YURAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Universiti Utara Malaysia berhubung kemudahan Pengurangan Kadar Yuran Pengajian dan Insentif Bayaran Balik Yuran kepada staf Universiti yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Lanjutan.

2.0 KEMUDAHAN DAN SYARAT

2.1 Staf Akademik (kecuali Guru Bahasa) Yang Sedang Mengikuti Pengajian Ijazah Kedoktoran (PhD/DBA) Secara Sambilan Di Universiti Utara Malaysia.

1. Staf Akademik yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Kedoktoran di Universiti Utara Malaysia boleh mendapat kemudahan pengurangan kadar yuran pengajian sebanyak 80% dan insentif bayaran balik yuran sebanyak 20%.

